



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750
Faks : 089-773 688
Web : <https://tawau.anm.gov.my>

Ruj.Kami : JANM.TAW.600-1Jld.5(40)

Tarikh : 9 September 2024

**Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu**

Tuan/Puan,

PERINGATAN TINDAKAN KUNCI MASUK PELARASAN GAJI MELALUI *ONE TIME PAYMENT* (OTP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/ puan sedia maklum, pihak Pejabat Perakaunan (AO) perlu melaksanakan semakan SQ01 sebelum proses larian gaji dilaksanakan. Ini adalah bagi mengesan transaksi yang meragukan dan seterusnya tindakan pembetulan dapat diambil sebelum proses simulasi dilaksanakan terutamanya bagi pelarasan yang melibatkan *One Time Payment* (OTP).

3. Sehubungan dengan itu, pejabat ini menetapkan bagi bayaran pelarasan gaji melalui *One Time Payment* (OTP) hendaklah dikunci masuk di sistem HCM **selewat-lewatnya lima(5) hari bekerja** sebelum tarikh simulasi gaji peringkat PTJ. Pejabat ini akan memohon dokumen perubahan gaji pegawai dari PTJ bagi tujuan semakan dan tindakan pembetulan jika perlu. Pelarasan *One Time Payment* (OTP) yang tidak sempat dibuat dalam tempoh tersebut hendaklah dibuat pada pelarasan bulan berikutnya.

4. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah

(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Tawau.